

PENTING/PENAFIAN
INI IALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI
ASET-ASET SANDARAN, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini beserta terma dan syarat sebelum anda membuat keputusan untuk memohon dan memilih **SPECIAL MUDHARABAH INVESTMENT ACCOUNT-i (SMIA-i)**

NAMA PRODUK: SPECIAL MUDHARABAH INVESTMENT ACCOUNT-i (SMIA-i)

(Sebelum ini dikenali sebagai Special Mudharabah Current Account-i (SMCA-i))

TIDAK DILINDUNGGI OLEH PIDM

MAKLUMAT RINGKAS MENGENAI PRODUK

1. Apakah produk ini?

Kontrak Syariah yang diguna pakai	<p>Produk ini menggunakan prinsip Mudharabah. Ini adalah kontrak di antara pemilik modal (rabbul mal) dan pengurus (Mudharib). Bank dilantik sebagai mudharib (pengurus) manakala pemegang akaun adalah rabbul mal (pemilik modal).</p> <p>Pemegang akaun sebagai pemilik modal (<i>Rabbul Mal</i>) menyediakan modal untuk dilaburkan di dalam SMIA-i. Bank sebagai pengurus (<i>Mudharib</i>) mengurus wang yang dilabur oleh pemegang akaun berdasarkan prinsip Mudharabah dan Bank berakuanji untuk menggunakan atau melabur jumlah wang yang dilabur untuk menjana pulangan melalui kemahiran dan usahanya dalam pelaburan dan/atau perniagaan yang dianggapnya wajar dan sesuai dengan syarat tidak bercanggah dengan keperluan Shariah. Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada usaha niaga tersebut dikongsi di antara rabbul mal dan mudarib mengikut nisbah perkongsian keuntungan ("PSR") yang telah dipersetujui bersama manakala kerugian akan ditanggung oleh rabbul mal dengan syarat kerugian itu tidak disebabkan oleh kecuaian, penipuan dan keingkaran yang disengajakan oleh Bank (<i>Mudharib</i>).</p>
Jenis Produk	<p>Ini adalah akaun pelaburan tidak terhad berdasarkan suatu kontrak perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui di antara pemegang akaun (Investor) dan Bank di mana Bank akan menyalurkan dana ke dalam portfolio pelaburan patuh Shariah (iaitu aset pembiayaan Flexi-i). Bank membuat tawaran nisbah perkongsian keuntungan ("PSR") yang diterima oleh pemegang akaun untuk pelaburan.</p> <p>Ini adalah produk berdasarkan permintaan dan tiada tempoh tertentu dan tarikh matang.</p>
Pihak-pihak yang Terlibat Dalam Aktiviti Pelaburan, Peranan dan Tanggungjawab	<p>Bank dilantik sebagai "Pengurus" manakala pemegang akaun adalah "Pemilik Modal".</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemegang akaun/Pemilik Modal (<i>Rabbul Mal</i>) meletakkan dana di dalam SMIA-i. • Bank/Pengurus (<i>Mudharib</i>) mengurus dana daripada pemegang akaun berdasarkan prinsip Mudharabah dan akan menguruskan dana tersebut di dalam portfolio pelaburan patuh Shariah iaitu aset pembiayaan Flexi-i untuk menjana pulangan. Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada usaha niaga tersebut dikongsi di antara pemegang akaun dan Bank ditentukan mengikut nisbah perkongsian keuntungan ("PSR"). Pemegang akaun hendaklah bersetuju bahawa mana-mana pelaburan berikutnya atau jumlah baki mana-mana pengeluaran adalah tertakluk kepada PSR.

KESESUAIAN PRODUK

2. Siapakah yang sesuai dengan produk ini?

Objektif Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Untuk menikmati penjimatan dari caj keuntungan ke atas pembiayaan Flexi-i. Untuk menikmati pulangan dari Akaun Pelaburan.
Samaada Prinsipal Pelaburan Berisiko	Ya dengan risiko pendedahan yang minima. Dana akan dilaburkan ke dalam aset berisiko rendah yang kenalpasti dan diuruskan oleh Bank
Tempoh Pegangan Pelaburan	Tiada

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

3. Saya melabur dalam apa?

Strategi pelaburan	Dana akan dilaburkan didalam portfolio Aset Pembiayaan Flexi-i CIMB Islamic Bank		
Pelaburan Permulaan Minima	RM50		
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Individu (Rakyat Malaysia dan Asing) • Entiti-entiti Perniagaan 		
Tempoh Pelaburan	Tiada tempoh matang bagi pelaburan ini.		
Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	5:95 (5% untuk Pelanggan dan 95% untuk Bank)		
Pengagihan Keuntungan	Bulanan		
Kadar Keuntungan Indikatif	Kadar keuntungan indikatif akan diisytiharkan dan dipaparkan di cawangan dan laman web pada setiap bulan.		
Pembukaan Akaun	Menerusi Kaunter bank		
Perlindungan PIDM	Tiada perlindungan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)		

Contoh Pengiraan Keuntungan (Hanya untuk tujuan illustrasi)

Tarikh Pelaburan: 01/08/20xx	Nisbah Perkongsian Keuntungan: 5:95 (Pemegang akaun:Bank)	Kadar Pulangan (selepas PSR): 0.20%	Akaun Pelaburan RM50,000	Tarikh Bayaran: 1/9/20xx

Pengiraan Keuntungan: Prinsipal x Kadar Pulangan bersih x 31/365 Hari = Amaun Kena Bayar kepada Pemegang Akaun Pelaburan
Nota: Pulangan akan diisytiharkan setiap 16 haribulan.

Pengiraan Keuntungan: $1 - 15 = RM50,000 \times 0.20\% \times 15/365 = RM4.11$

Pengiraan Keuntungan: $16 - 31 = RM50,000 \times 0.20\% \times 16/365 = RM4.38$


Jumlah Keuntungan Kena Bayar: RM8.49

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

4. Apakah hasil yang mungkin daripada pelabuaran saya

Keuntungan akan diagihkan berdasarkan PSR. Kerugian yang timbul daripada pelaburan akan ditanggung oleh pemegang akaun sebagai penyedia modal, kecuali ia adalah disebabkan oleh salah urus dana oleh Bank.

a) Prestasi Dana



Bulan	Kadar Pulangan (selepas PSR)
Jan xx	0.22%
Feb xx	0.22%
Mar xx	0.22%
Apr xx	0.22%
Mei xx	0.22%

- Prestasi yang lepas tidak mencerminkan prestasi akan datang.

Jadual 1: Simulasi Pasaran Terbaik

Tarikh	OPR	Kadar Pulangan
Apr xx	3.50%	0.22%

(Angka hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja)

Jadual 2: Simulasi Pasaran Terburuk

Tarikh	OPR	Kadar Pulangan
Feb xx	2.00%	0.21%

PENYATA PENDEDAHAN RISIKO**5. Apakah risiko utama yang berkaitan dengan Dana in?**

Risiko Pasaran	Bank mempunyai satu sistem pengurusan risiko yang sedia ada di mana kami dapat memantau dan mengurus pendedahan risiko kami dalam masa nyata. Ini membolehkan kami untuk menguruskan kedudukan kami secara berkesan selaras dengan strategi keseluruhan perlindungan nilai.
Risiko Kecairan	<p>Bidang tumpuan utama dari perspektif risiko adalah Risiko Kecairan. Bank akan terus menjalankan analisa berdasarkan kepada dana URIA yang terdiri daripada Deposit dan sebahagian kecil daripada dana Mudarabah. Berdasarkan kepada rekord lepas berhubung aktiviti pengeluaran, bank akan merumuskan ujian tekanan dan mewujudkan alat mengurangkan untuk menguruskan Risiko Kecairan. Ketidakpadanan aliran tunai dengan jumlah keseluruhan kematangan akan dianalisa dan dipantau di bawah "BNM-New Liquidity Framework" serta nisbah kecairan yang ditetapkan oleh BNM</p> <p>Produk SMIA-i menyediakan dana tambahan kepada asas pembiayaan daripada CIMB Islamic. Memandangkan ia akan digunakan untuk membiayai pelbagai aset bank, aliran tunai dari SMIA-i dan aset yang dibiayai, bersama-sama dengan aliran tunai daripada produk-produk lain, akan diurus dan dipantau bersama-sama.</p>

'Anda dinasihati supaya mempertimbangkan semua faktor risiko secara berhati-hati sebelum membuat keputusan pelaburan'

FI DAN CAJ**6. Apakah fi dan caj yang berkaitan?**

- Fi dan caj yang dikenakan bagi produk ini boleh dilihat di laman web Bank dan dipamerkan di cawangan-cawangan Bank untuk rujukan.

PENILAIAN

7. Penilaian strategi yang diterima pakai, kekerapan dan di mana penilaian yang diterbitkan (i.e. alamat laman web / surat khabar di mana penilaian yang diterbitkan)
- Metodologi penilaian kami adalah objektif, teguh, disahkan dan selaras dengan Malaysian Financial Reporting Standards ("MFRS").
 - Bank akan memantau prestasi aset pada setiap bulan. Prestasi Dana akan disediakan secara suku tahunan di laman web www.cimb.com.my

MAKLUMAT HUBUNGAN**8. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?**

- a) Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi;
Alamat : Customer Resolution Unit
CIMB Bank / CIMB Islamic Bank Berhad
Unit Resolusi Pelanggan (CRU)
Peti Surat 10338
Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Telefon : 603 6204 7788
Emel : cru@cimb.com
- b) Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian, sila rujuk kepada BNM TELELINK
 - i. Melalui telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
 - ii. Melalui faks : +603-2174-1515
 - iii. Melalui emel: bnmtelelink@bnm.gov.my
 - iv. Melalui surat: Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur

AMARAN

PULANGAN DARIPADA AKAUN PELABURANINI DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET SANDARAN. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN MENGHADAPI RISIKO TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. AKAUN PELABURANINI TIDAK DILINDUNGIOLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM").